

[VIDEO TEMATIK HADITH] - [SEMBAHYANG] - SIRI 1 - KEWAJIPAN SEMBAHYANG

(KLIK)



<https://youtu.be/2KjaeSbJY3k>

VIDEO – [Durasi – 5m 3s] – [SEMBAHYANG – Siri 1] – Kewajipan Sembahyang [VIDEO TEMATIK HADITH]

Video penuh asal – 1. <https://youtu.be/P7TAxiynrdY> 2. <https://youtu.be/8WWrFUZYHuk>

[KOLEKSI VIDEO TEMATIK HADITH - <https://syarahanhadits.school.blog/hadith-tematik-berdasarkan-tema/>]

MATAN DAN RINGKASAN SYARAH HADITH

A. HADITH DARI KITAB SAHIH AL-BUKHARI

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالصَّلَاةِ وَالصَّدَقِ وَالْعَفَافِ - يَغْنِي النَّبِيُّ - وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ حَدَّثَنِي أَبُو سَفْيَانَ فِي حَدِيثٍ هِرَاقْلُ فَقَالَ يَأْمُرُنَا

Difardhukan Sembahyang Ibnu Abbas berkata: Abu Sufyan dalam kisah Hiraklu berkata, “Dia (Nabi s.a.w.) menyuruh kami bersembahyang, bercakap benar dan memelihara diri daripada perkara-perkara keji”

[RINGKASAN] – Kewajipan Sembahyang Apabila Raja Rom (Hiraklu) bertanya kepada Abu Sufyan apakah yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. beliau menjawab yang Nabi s.a.w. mengajar supaya sembahyang, bercakap benar dan memelihara diri dari perkara-perkara keji. Pada masa ini Abu Sufyan belum lagi memeluk agama Islam. Ini menunjukkan sembahyang telah difardhukan di Mekah.

B. HADITH DARI KITAB SUNAN ABI DAUD

دَنَّا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، عَنْ مَالِكٍ، عَنْ عَمْرِو أَبِي سُهَيْلٍ بْنِ مَالِكٍ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ سَمِعَ طَلْحَةَ بْنَ عُبَيْدِ اللَّهِ، يَقُولُ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. بِابِ الصَّلَاةِ مِنَ الْإِسْلَامِ. خَمْسٌ "صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ نَجْدٍ ثَابِرَ الرَّأْسِ يُسْمِعُ دَوِيَّ صَوْتِهِ وَلَا يُفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّى دَنَا فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ صِيَامَ شَهْرِ رَمَضَانَ قَالَ هَلْ عَلَى "لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ" قَالَ هَلْ عَلَى غَيْرِهَا قَالَ "صَلَّاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ فَأَذْبَرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ "لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ" قَالَ فَهَلْ عَلَى غَيْرِهَا قَالَ. قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّدَقَةَ. "لَا إِلَّا أَنْ تَطُوعَ" غَيْرُهُ قَالَ أَفْلَحَ إِنْ صَدَقَ" فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَاللَّهِ لَا أَزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ

Bab – Sembahyang Dalam Islam

Seorang lelaki dari kalangan penduduk Najd dengan rambut kusut masai datang kepada Rasulullah. Dapat didengar dengung suaranya tetapi apa yang diperkatakannya tidak dapat difahami. Dia mendekat dan rupa-rupanya dia bertanya tentang Islam (apa yang difardhukan dalam Islam). Rasulullah s.a.w bersabda: "Sembahyang lima waktu sehari semalam". Dia bertanya, "Adakah yang lain yang wajib?". Baginda menjawab, "Tidak, melainkan kamu melakukan yang sunat". Dia (Talhah) berkata bahawa Rasulullah menyebut puasa pada bulan Ramadhan. Dia bertanya, "Adakah saya perlu melakukan yang lain?". Baginda menjawab, "Tidak, melainkan kamu melakukan yang sunat". Rasulullah menyebutkan zakat kepadanya. Dia bertanya, "Perluah saya mengeluarkan apa-apa lagi?". Baginda menjawab: "Tidak, melainkan kamu melakukan yang sunat". Lelaki itu kemudian berpaling sambil berkata: "Demi Allah, aku tidak akan menambahkan atau mengurangkannya". Rasulullah bersabda: "Orang itu akan berjaya jika dia berkata benar".

[RINGKASAN] – Kewajipan Sembahyang

1. Antara perkara yang fardhu dalam Islam, tetapi tidak terhad kepada perkara berikut sahaja, ialah sembahyang lima waktu, puasa di bulan Ramadhan dan mengeluarkan zakat.
2. "Saya tidak akan melebihi atau mengurangkan" bermaksud, sama ada,
 - i) yang wajib saya akan anggap sebagai wajib dan tidak akan mengatakannya sunat, begitu juga yang sunat saya tidak akan mengatakannya sebagai wajib. (Nota: Ini adalah untuk semua perkara sama ada disebut dalam hadith ini atau tidak)
 - ii) dia akan sampaikan kepada kaumnya sekembalinya nanti seperti apa yang Rasulullah s.a.w. memberitahunya tanpa menambahkan atau mengurangkannya atau,
 - iii) dia hanya akan melakukan yang fardhu sahaja, tidak yang sunat.
3. Nabi s.a.w. mengatakan jika dia benar, dia akan masuk syurga. Ini bermaksud dengan hanya melakukan yang wajib tanpa yang sunat pun adalah memadai untuk seseorang masuk syurga.